

Lawatan sambil belajar USIM



LAWATAN memberi peluang kepada mahasiswa USIM untuk lebih mendalami ilmu yang diperoleh dalam kuliah.



LENSA KAMPUS

Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Fakultii Syariah & Undang-Undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan lawatan

sambil belajar ke Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini dengan fokus utama berkaitan prinsip undang-undang.

Program itu sebahagian usaha USIM memberi pendedahan praktikal di luar kuliah kepada mahasiswanya sebagai landasan memperkukuhkan pema-haman subjek.

Antara tempat lawatan termasuk bahagian kriminalistik yang mengendalikan pemeriksaan bahan bukti fizikal serta bahagian perkhidmatan pemeriksaan dokumen seperti pemeriksaan tulisan tangan, tandatangan dan pengubahsuaian dokumen.



PELAJAR meneliti bahan yang dipamerkan.